

SPPS juara keseluruhan Kejohanan Olahraga UMS

UB 17/02/2011 / A14

KOTA KINABALU: Kontingen Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial (SPPS) merangkul 18 emas, 12 perak dan lima gangsa untuk muncul juara keseluruhan Kejohanan Olahraga Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2011 yang berlangsung di Stadium UMS pada 11-13 Februari lalu.

Tempat kedua dimenangi Sekolah Perniagaan Kampus Antarabangsa Labuan (SPKAL) dengan empat emas,

enam perak dan lapan gangsa manakala Sekolah Kejuruteraan Teknologi Maklumat (SKTM) menduduki tempat ketiga dengan empat emas dan satu gangsa.

Selain bergelar juara, SPPS juga dibanggakan apabila empat atletnya dinobatkan sebagai pemenang anugerah individu iaitu Pang Tsun Kuo (Olahragawan), Vianny Samora (Olahragawati), Hafifie Febryan Kamin (Atlet Harapan Lelaki)

dan Dayang Anak Manggie (Atlet Harapan Wanita).

Pang yang juga pemenang pingat perak Sukan MASUM meraih gelaran tersebut atas pencapaian meraih empat pingat emas di mana tiga daripadanya turut mencatatkan rekod baru kejohanan iaitu acara 400m, 400m Lari berpagar dan 4 X 400m.

Vianny yang merupakan Atlet Harapan tahun lalu mempamerkan keunggulannya

dengan merangkul empat pingat emas termasuk acara 400m dan 800m dua yang dimenanginya dengan catatan rekod baru kejohanan.

Hafifie dianugerahkan Atlet Harapan setelah berjaya merangkul empat pingat emas dan memecahkan satu rekod kejohanan sementara Dayang pula meraih gelarannya setelah berjaya memenangi tiga emas dan satu gangsa.

Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.

Kejohanan selama tiga hari itu melibatkan penyertaan 13 pasukan termasuk dua kontingen dari Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib Canselor UMS, Brig. General. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon ketika merasmikan kejohanan itu berkata, pihak universiti sentiasa menyokong apa juga program khususnya penglibatan mahasiswa dalam bidang sukan.

"Kita dalam proses memperkasakan pasukan UMS bukan sahaja dalam bidang

sukan tetapi dalam apa juga bidang yang diceburi.

"Kita juga amat peka kepada perkembangan dan sentiasa menambahbaik program sukan secara berperingkat. Sebagai contoh penganjuran kejohanan kali ini adalah antara sekolah-sekolah bagi mengantikan antara kolej pada tahun-tahun sebelum ini," katanya.

Beliau turut menyampaikan hadiah perbarisan pada hari perasmian di mana tempat pertama dimenangi Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), naib johan dimenangi Sekolah Makanan dan Pemakanan (SSMP) manakala tempat ketiga dimenangi Sekolah Saing Informatik Labuan (SSIL).

Sambil itu, Ketua Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah yang juga Jawatankuasa Penganjur berkata kejohanan itu berjaya mencapai sasaran dan objektif penganjuran.

Menurutnya, kejohanan itu merupakan landasan bagi UMS mencungkil bakat baru di samping sebagai persiapan atlet senior menghadapi kejohanan Olahraga Antara Universiti Malaysia (MASUM) dan seterusnya kejohanan antarabangsa.



KAMI JUARA... Juara Olahraga UMS 2011, pasukan SPPS merakam gambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah.